



SIARAN AKHBAR

PERINGATAN SKIM PENIPUAN KEWANGAN

Mengambil kira warga sektor awam dan swasta telah menerima bonus hujung tahun mereka, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk lebih berhati-hati terhadap produk pelaburan yang ditawarkan melalui media sosial seperti WhatsApp dan Facebook dan tidak disahkan atau mendapat kebenaran AMBD.

Penipuan kewangan selalunya dipromosikan sebagai pelaburan yang mendapat pengesahan atau kebenaran dari pengawal selia. Orang ramai adalah diseru bagi memastikan syarikat dan orang perseorangan yang menawarkan produk kewangan berlesen dengan AMBD. Daftarnya dapat dilayari melalui www.ambd.gov.bn, untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh juga menghubungi AMBD di talian 2388388 atau melalui e-mel fi@ambd.gov.bn